

PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI (MPK)
KEUSAHAWANAN DALAM TOPIK ISU KEUSAHAWANAN
BAGI PELAJAR DIPLOMA DI POLITEKNIK

SITI MAHANI BINTI SHAIK ISMAIL

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00085438 4

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA*

JUDUL: PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI (MPK)
KEUSAHAWANAN DALAM TOPIK ISU KEUSAHAWANAN BAGI PELAJAR
DIPLOMA DI POLITEKNIK

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya SITI MAHANI BINTI SHAIK ISMAIL (800409-10-5728)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi /badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Anis
(TANDATANGAN PENULIS)

Shamir Mustafa
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:
LOT 659, BATU 11 1/4 KAPAR
42200 KAPAR KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN


EN. SHARIMAN BIN MUSTAFA
Nama Penyelia

Tarikh: 01/03/04

Tarikh: 01/03/04

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : EN. SHARIMAN BIN MUSTAFA
Tarikh : 1. MAC 2004

**PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI (MPK)
KEUSAHAWANAN DALAM TOPIK ISU KEUSAHAWANAN BAGI
PELAJAR DIPLOMA DI POLITEKNIK**


SITI MAHANI BINTI SHAIK ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

MAC 2004

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :.....
Nama Penulis : SITI MAHANI BINTI SHAIK ISMAIL
Tarikh : MAC 2004

*Dua insan yang paling berharga pada diri ini,
 Abah (En. Shaik Ismail Bin Shaik Ibrahim) dan Emak (Puan Jamaliah Bt. Hj Shamsudin)
 Segala pengorbanan dan kasih sayang yang dicurahkan memberikan semangat dan kekuatan yang
 sukar ditafsirkan.
 Semoga Allah s.w.t. melindungi dan merahmati hidup kalian buat selama-lamanya*

*Buat Kerabat Yang Dikasih
 Siti Mahanum Bt. Shaik Ismail
 Terima Kasih di atas segala dorongan, kasih sayang dan bantuan yang diberi*

*Untuk Abang Dan Adik-Adik Yang Dikasih
 Along, Kakak, Majar, Abu, Adik dan Haiqal
 Semoga kalian akan terus berjaya!*

*Buat Nenda Berdua
 Hj. Shamsudin Bin Along dan Hajah Hatijah Bt. Yaakob
 Kasih sayang dan perhatian yang kalian berikan amat berharga*

*Buat Rakan-Rakan Seperjuangan Yang Banyak Membantu
 Terima kasih atas segalanya.....*

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana rahmat dan keizinan-Nya, serta berkat dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya saya dapat melaksanakan tugas dan menyiapkan projek sarjana ini seperti mana yang dirancang.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia projek iaitu, Encik Shariman B. Mustafa di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoj kajian ini dilaksanakan. Segala pandangan, komen dan nasihat yang diberikan amat berguna dan banyak membantu dalam menghasilkan kajian dan penulisan ini.

Ribuan terima kasih juga kepada pihak Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Perdagangan yang mengajar subjek Kcusahawanan dan pelajar-pelajar semester enam yang mengikuti pengajian diploma di Jabatan Perdagangan iaitu kelas DINS, DPR dan DPM.

Akhir sekali, tidak lupa untuk keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberikan buah fikiran dalam menghasilkan kajian ini. Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga pengorbanan serta sumbangan kalian mendapat rahmat dari-Nya. InsyaAllah.

ABSTRAK

Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran yang telah diperkenalkan termasuklah kaedah pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran bermodul secara sendiri. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kesesuaian Modul Pengajaran Kendiri Keusahawanan dalam topik Isu Keusahawanan yang telah dihasilkan bagi pelajar yang mengikuti pengajian Diploma di Jabatan Perdagangan Politeknik. Antara aspek yang dikaji ialah untuk menilai sama ada rekabentuk modul yang dihasilkan dapat memenuhi ciri-ciri modul yang baik, MPK yang dihasilkan dapat membantu mencapai objektif pembelajaran, MPK ini bersifat mesra pengguna dan MPK yang dihasilkan membantu pensyarah menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan. Kajian ini dilakukan ke atas 110 orang pelajar semester enam yang mengikuti pengajian diploma dan 4 orang pensyarah yang mengajar subjek Keusahawanan di Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor. Kaedah analisa data yang digunakan dalam kajian ini ialah skor min dan peratus. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa rekabentuk modul yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri modul yang baik, MPK ini membantu untuk mencapai objektif pembelajaran, MPK ini bersifat mesra pengguna dan MPK yang dihasilkan dapat membantu pensyarah menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan. Ini bermakna secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa modul yang dihasilkan oleh pengkaji adalah sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar semester enam yang mengikuti pengajian diploma di Jabatan Perdagangan peringkat politeknik. Seterusnya, beberapa pandangan telah dikemukakan bagi meningkatkan mutu dan kualiti MPK yang dihasilkan. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan.

ABSTRACT

There are a lot of teaching methods that have been exploited and one of the method is learning through Self-Learning Module. This research is to study whether this Self-Learning Module is suitable to the final (sixth) semester diploma students in Commerce Department Polytechnics. A few aspects have been assessed in this research, the first aspect focused whether the module fulfill the criteria of good module, second aspect is to determined whether the module helps the lecturer in their teaching process, third is to determined whether the module is user friendly and whether the module fulfill the learning objective. The sample are selected randomly from Commerce Department in Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor. 110 students meanwhile 4 lecturer who teach Keusahawanan were selected in order to responds to the four rescach question. In analyzing the questionnaires, score mean and percentage method had been used. Finding show that the module development fulfill the criteria of good module, help the lecturer in their teaching process, user friendly and fulfill the learning objective. At the end of the research, all aspect that have been studied shows that this Self-Learning Module is suitable to be used by the diploma students in Commerce Department Polytechnics. A few recommendation were given to improve the effectiveness and quality of instructional learning module. I believe this research could introduce something new through learning process to the particular person who involve in education level.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN BERJUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
I	Pengenalan	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Persoalan Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	6

1.5	Kepentingan Kajian	6
1.5.1	Pensyarah	6
1.5.2	Pelajar	7
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Definisi Operasional	8
1.8	Andaian	10
1.9	Rumusan	11
II	SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	12
2.1	Definisi Modul	12
2.2	Teori yang Menekankan Penulisan Modul	14
2.3	Modul Pengajaran Kendiri (MPK)	17
2.4	Pengajaran Bermodul	19
2.5	Kriteria Asas Sesebuah Modul	21
2.6	Ciri-Ciri Modul Yang Baik	22
2.7	Rasional Pembinaan Modul	24
2.8	Prinsip-Prinsip Pedagogi	25
2.9	Model Rekabentuk Dick & Carey	26
2.10	Kaedah Penambahbaikan Berterusan	30
2.11	Rumusan	32
III	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	33
3.1	Prosedur Kajian	34
3.2	Pembolehubah Kajian	36
3.3	Responden/Sumber Data	37
3.4	Instrumen Kajian	39
3.5	Analisis Data	41

3.6	Kaedah Penganalisaan Data	43
3.7	Kajian Rintis	44
IV	REKABENTUK MODUL	
4.0	Pengenalan	45
4.1	Analisis SWOT	46
4.2	Prosedur Pembangunan Garis Kasar Kandungan Modul	48
4.3	Komponen Garis Kasar Kandungan Modul	49
4.4	Fungsi Garis Kasar Kandungan Modul	50
4.5	Kronologi Penghasilan Modul	51
4.6	Format Modul	52
4.7	Garis Panduan Dalam Penulisan Modul	55
4.8	Penilaian Modul	62
4.9	Anggaran Kos Menghasilkan Modul	62
4.10	Rumusan	63
V	ANALISIS DATA	
5.0	Pengenalan	64
5.1	Analisis Kajian Rintis	65
5.2	Analisis Responden (Pelajar)	65
5.2.1	Analisis Latar Belakang Responden	66
5.2.2	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden	
5.2.2.1	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian II	70
5.2.2.2	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian III	72
5.2.2.3	Analisis Skor Min Dan Peratus	74

	Responden Bahagian IV	
5.2.3	Analisis Data Soalan Terbuka Responden	75
5.3	Analisis Responden (Pensyarah)	77
5.3.1	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden	78
	5.3.1.1 Analisis Skor Min Dan Peratus	78
	Responden Bahagian II	
	5.3.1.2 Analisis Skor Min Dan Peratus	80
	Responden Bahagian III	
	5.3.1.3 Analisis Skor Min Dan Peratus	82
	Responden Bahagian IV	
	5.3.1.4 Analisis Skor Min Dan Peratus	83
	Responden Bahagian V	
5.3.2	Analisis Data Soalan Terbuka Responden	85

VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0	Pengenalan	87
6.1	Perbincangan Dapatan Kajian	87
6.1.1	Rekabentuk MPK Yang Dihasilkan Memenuhi Ciri-Ciri Modul Yang Baik	88
6.1.2	Modul Yang Dihasilkan Membantu Mencapai Objektif Pembelajaran	89
6.1.3	Modul yang Dihasilkan Bersifat Mesra Pengguna	90
6.1.4	MPK Yang Dihasilkan Membantu Pensyarah Menyampaikan Pengajarannya Dengan Lebih Berkesan.	91
6.2	Kesimpulan	92
6.3	Cadangan	93
6.4	Penutup	94

BIBLIOGRAFI

95

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

LAMPIRAN C

LAMPIRAN D

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert Empat Mata	40
3.2	Pengiraan Skor Min Untuk Skala Likert	42
3.3	Ukuran Terhadap Persetujuan Min Yang Telah Diubahsuai	42
4.1	Bahan Dan Kos Produk	63
5.1	Data Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	66
5.2	Data Bilangan Pelajar Mengikut Bangsa	67
5.3	Data Bilangan Pelajar Mengikut Kursus	67
5.4	Min Item-Item Bahagian II: Rekabentuk MPK Yang Dihasilkan Memenuhi Ciri-Ciri Modul Yang Baik	70
5.5	Item-Item Bahagian III: MPK Yang Dihasilkan Membantu Mencapai Objektif Pembelajaran	72
5.6	Item-Item Bahagian IV: MPK Yang Dihasilkan Bersifat Mesra Pengguna	74
5.7	Item-Item Bahagian II: Rekabentuk MPK Yang Dihasilkan Memenuhi Ciri-Ciri Modul Yang Baik	78
5.8	Item-Item Bahagian III: MPK Yang Dihasilkan Membantu Mencapai Objektif Pembelajaran	80
5.9	Item-Item Bahagian IV: MPK Yang Dihasilkan Bersifat Mesra Pengguna	82
5.10	Item-Item Bahagian V: MPK Yang Dihasilkan	83

	Membantu Pensyarah Menyampaikan Pengajarannya Dengan Lebih Berkesan	
6.1	Min Keseluruhan Setiap Bahagian Bagi Pensyarah Dan Pelajar	88

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Rekabentuk Model Dick & Carey	27
3.1	Rekabentuk Kajian	34
3.2	Pembolehubah Kajian	37
3.3	Penentuan Populasi Kajian	37
4.1	Prosedur Pembangunan Garis Kasar Kandungan Modul	48
4.2	Format Garis Kasar Kandungan Modul	50
4.3	Kronologi Penghasilan Modul	51
4.4	Carta Aliran Format Modul	55
5.1	Carta Pai Menunjukkan Peratus Mengikut Jantina	66
5.2	Carta Pai Menunjukkan Peratus Mengikut Bangsa	67
5.3	Carta Pai Menunjukkan Peratus Mengikut Kursus	68
5.4	Carta Bar Menunjukkan Aliran Pelajar Semasa Di Sekolah Menengah	68

SENARAI SINGKATAN

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
MPK	-	Modul Pengajaran Kendiri
SPSS	-	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
PSA	-	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
DPR	-	Diploma Pemasaran
DINS	-	Diploma Insurans
DPM	-	Diploma Pengajian Perniagaan (Antarabangsa)
CQI	-	Continuous Quality Improvement

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Jadual Penentuan Saiz Sampel
C	Output Kajian Rintis
D	Output Data SPSS

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini merangkumi beberapa tajuk kecil iaitu latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian, definisi operasional, andaian dan rumusan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Terdapat pelbagai jenis alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang dihasilkan oleh pensyarah atau sesebuah institusi untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. ABBM yang sesuai dapat memenuhi keperluan, tahap dan gaya pembelajaran yang berbeza di kalangan pelajar (Supyan, 2000).

Senario pendidikan masa kini menuntut perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) seiring dengan perkembangan dunia semasa. Kaedah P&P yang digunakan oleh pensyarah sentiasa memerlukan perubahan sesuai dengan kehendak

pelajar agar misi dan visi pendidikan dapat dicapai secara menyeluruh. ABBM merupakan salah satu elemen yang penting dalam proses P&P. Menurut Anung (2002) ABBM ini adalah merupakan salah satu sumber rujukan dan bahan bacaan yang akan digunakan oleh para pelajar .

ABBM bukan sahaja dapat membantu pendidik meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran mereka malah ia membantu memudahkan proses pembelajaran para pelajar. Secara khusus, ABBM berguna untuk menolong para pelajar memahami konsep-konsep atau idea-idea yang abstrak dan kompleks. Di samping itu, penggunaan ABBM yang sesuai dapat meningkatkan kualiti penyampaian pendidik dan menjimatkan masa mereka serta memenuhi keperluan, tahap dan citarasa yang berbeza-beza di kalangan para pelajar (Supyan, 2000).

Penggunaan ABBM juga perlu dirancang secara sistematik untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaian penggunaannya dalam proses pengajaran. Menurut Amir (1986) seperti dalam Yusup (1997), keberkesanan penggunaan ABBM dalam pendidikan hanya boleh dicapai jika pendidik telah melalui lima fasa iaitu membiasakan diri, mengguna, mengintegrasikan, mengorientasi dan mengevolusi teknologi tersebut. ABBM yang dimaksudkan ialah CD interaktif, manual, buku teks, modul dan sebagainya yang berkaitan dengan proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, sekiranya ABBM itu sendiri tidak dapat memenuhi keperluan dan kehendak pendidik serta pelajar maka ia perlulah diperbaharui, diubah atau dibaiki supaya boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna.

Selain itu, penambahan sumber-sumber pembelajaran dalam pelbagai bentuk dan format boleh menyebabkan pembelajaran berasaskan sumber (*resource-based-learning*) menjadi lebih berkesan. Berdasarkan kepada sumber dari sektor Perkhidmatan Sumber Pendidikan, Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam artikel yang bertajuk "Penggunaan Teknologi Sebagai Sumber Pembelajaran", guru perlu mahir menggunakan ABBM yang dikenalpasti secara optimum bagi memperoleh kesan yang positif dalam pengajarannya. Guru juga perlu mengamalkan

dan menguasai beberapa strategi pengajaran untuk mencapai pengoptimuman penggunaan sumber pembelajaran.

1.2 Pernyataan Masalah

Pemilihan dan penghasilan kaedah pembelajaran yang sesuai serta bahan pembelajaran yang teratur dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan salah satu aspek yang penting. Ini kerana ia akan memudahkan dan menggalakkan para pelajar untuk belajar. Masalah yang sering menjadi topik perbincangan ialah kurangnya penumpuan pelajar di dalam kelas dan kesukaran mereka untuk memahami sesuatu topik yang diajar oleh guru di dalam kelas. Fenomena ini berlaku kerana tidak ada satu medium yang boleh menarik perhatian pelajar untuk mengikuti pembelajaran dan kesukaran mereka untuk memahami apa yang disampaikan oleh guru. Salah satu cara yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah di atas adalah menggunakan Modul Pengajaran Kendiri (MPK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Shaharom, 1994).

Kebanyakan di politeknik pensyarah hanya menyediakan nota edaran dan berpandu kepada buku teks tertentu dalam proses P&P. Begitu juga bagi mata pelajaran Keusahawanan. Buku teks yang digunakan seharusnya mengandungi pernyataan objektif pembelajaran, mempunyai abstrak pembelajaran dan distruktur berdasarkan sukatan pelajaran bagi sesuatu subjek. Ia bertujuan membantu pelajar mengetahui apa yang akan dipelajari dan apa yang perlu dicapai pada akhir proses pembelajaran supaya pelajar tidak mempunyai alasan untuk tidak mengulang-kaji pelajaran yang diajar oleh pensyarah. Namun, ada kemungkinan buku teks yang disediakan tidak mengambil kira faktor-faktor tersebut.

Selain itu, kebanyakan buku teks adalah tebal yang boleh menjadikan pelajar bosan serta cuba untuk meringkaskan semula sesuatu topik pelajaran untuk menguasai

topik tersebut. Ini kerana kebanyakan buku teks tidak hanya merangkumi sukatan pelajaran bagi sesuatu subjek tetapi menyentuh keseluruhan isi kandungan mata pelajaran tersebut. Jika buku teks atau nota edaran yang diberikan kepada pelajar mempunyai kepelbagaian campuran media contohnya penggunaan grafik, jadual, graf dan sebagainya ia boleh menarik minat pelajar untuk membacanya.

Ini adalah kerana setiap pelajar mempunyai tahap kefahaman yang berbeza. Ada di antara mereka yang mentafsir data menggunakan otak kanan dan sebaliknya. Mereka yang menggunakan otak kanan akan lebih memahami sesuatu pembelajaran dengan mengambil kira faktor grafik, jadual, pengiraan, carta dan sebagainya berbanding mereka yang mempunyai otak kiri akan mentafsir data melalui pembacaan fakta.

Jika kita lihat dari sudut penyediaan latihan di dalam buku-buku teks, tidak ada lampiran jawapan yang diberikan. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar tidak langsung membuat latihan yang ada dalam buku teks. Mereka akan bergantung sepenuhnya kepada latihan yang diberi oleh pensyarah kecuali tugas yang diberi adalah daripada buku teks tersebut. Selain itu, latihan biasanya diberikan di akhir bab. Ini akan menyebabkan pelajar tidak dapat memahami dengan mendalam kerana mereka tidak diuji di akhir setiap topik.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, pengkaji mencadangkan agar pembangunan MPK Keusahawanan dilakukan dengan menggabungkan prinsip-prinsip pedagogi dan ciri-ciri modul untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dengan pembangunan modul pengajaran sendiri (MPK) yang baik, masalah kefahaman dan penguasaan pelajar dalam sesuatu topik dapat diatasi. MPK Keusahawanan ini merangkumi aspek:

- 1) Menyediakan soalan-soalan latihan di akhir setiap topik.
- 2) Menyediakan soalan lanjutan di akhir bab untuk diselesaikan.
- 3) Cadangan penggunaan sumber-sumber tambahan seperti multimedia, internet dan kerja-kerja lapangan.